

MAHATHIR-MCA

(I)

1984

KUALA LUMPUR, 8 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMMAD BERKATA BELIAU MENYERAHKAN KEPADA PEMANGKU PRESIDEN MCA DATUK DR NEO YEE PAN DAN PUAH YANG DIPIMPIN OLEH ENCIK TAN KOON SWAN UNTUK MENYELESAIKAN KRISIS PARTI ITU SEKARANG.

'NAMPAKNYA MEREKA TERPAKSA MENYELESAIKANNYA SENDIRI. ITU ADALAH MASALAH MEREKA SENDIRI,' TEGAS PERDANA MENTERI APABILA DIMINTA PANDANGAN BELIAU MENGENAI KRISIS MCA YANG BERUSIA DUA BULAN ITU YANG MENCETUSKAN SAMBUTAN ULANGTAHUN PARTI ITU ANJURAN KUMPULAN DATUK DR NEO DAN ENCIK TAN DAN RAKAN-RAKANNYA MENGANJURKAN MESYUARAT AGUNG LUARBIASA AHAD LALU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA NASIHAT +SELESAIKANLAH MASALAH ANDA SENDIRI+ ITU TELAH DIBERITAHU DENGAN SEJELAS-JELASNYA KEPADA ENCIK PAN YANG MENGETUAI ROMBONGAN 43 ORANG TERDIRI DARIPADA LAPAN ANGGOTA PARLIMEN, 35 ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI, DUA ORANG SENATOR DAN ENASIHAT UNDANG-UNDANG DATUK KOK WEE KIAT KETIKA MENEMUI BELIAU DI EJABATNYA SEMALAM.

'ITULAH SAJA NASIHAT YANG SAYA BERI KEPADA MEREKA APABILA PUAH KOON SWAN BERJUMPA SAYA UNTUK MENYERAHKAN KEPUTUSAN MESYUARAT LUARBIASA ITU,' KATANYA.

- LAGI 1643/LK

MAHATHIR - KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI YANG JUGA PENERUSI BARISAN NASIONAL BERKATA DATUK DR NEO TELAH TIDAK MENEMUI BELIAU SEJAK SAMBUTAN ULANGTAHUN MCA PADA HARI AHAD ITU.

'MALAH KALAU DIA MENEMUI SAYA, SAYA AKAN BERITAHU APA YANG SAYA RASAKAN, IAITU BELIAU SENDIRILAH PATUT MENYELESAIKAN MASALAH PARTINYA,' PERDANA MENTERI MEMBERITAHU BERNAMA.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA BELIAU TIDAK MAHU CAMPURTANGAN DALAM HAL EHVAL RUMAH TANGGA MCA SAMBIL MENAMBAH BAHAWA TERSERAHLAH KEPADA PARTI ITU UNTUK MENENTUKAN TINDAKAN SELANJUTNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEMASA PERJUMPAAN SEJAM ITU, BELIAU HANYALAH MENDENGAR KETIKA ENCIK TAN MENYAMPAIKAN KEPADANYA PERASAAN DAN HARAPAN 1,616 ORANG PERWAKILAN YANG MENGHADIRI MESYUARAT AGUNG LUARBIASA DI HOTEL HILTON ITU.

MENURUT BELIAU, ENCIK TAN MEMBERI TAKLIMAT KEPADANYA MENGENAI TUJUH KETETAPAN YANG DILULUSKAN DI MESYUARAT ITU TERMASUK: - - MENERIMA SEMULA ENCIK TAN DAN MEMBATALKAN SEMUA PEMECATAN DAN PENGGANTUNGAN SEJAK 18 MAC DAN MENGGANTUNG SEMUA KUASA PRESIDEN DAN LEMBAGA TATATERTIB MENGGANTUNG DAN MEMECAT AHLI-AHLI PARTI.

MENGENAI DUA JAWATAN TIMBALAN MENTERI YANG KOSONG BERIKUTAN PERLETAKAN JAWATAN DATUK DR LING LIONG SIK DAN DATUK LEE KIM SAI, PERDANA MENTERI BERKATA JAWATAN-JAWATAN ITU AKAN DIBIAR KOSONG SEHINGGA KEPUTUSAN LAIN DIBUAT KEMUDIAN.

- BERNAMA 1652/LK